

## ABSTRAK

Penggunaan kaedah transliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih dianggap baru dan pertama kali diperkenalkan secara rasmi di Malaysia oleh UiTM. Ia diperkenalkan untuk memudahkan serta menarik minat pelajar mempelajari bahasa Arab. Kajian yang bertajuk ‘Penguasaan Kemahiran Sebutan Bahasa Arab Melalui Kaedah Transliterasi : Satu Penilaian’ ini telah dijalankan bertujuan untuk menilai adakah penggunaan transliterasi dapat membantu para pelajar mempelajari sebutan bahasa Arab, apakah masalah-masalah yang timbul serta langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

Seramai 10 orang responden telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan, di mana ciri utama yang diambil kira ialah pelajar-pelajar yang lemah dalam penguasaan sebutan bahasa Arab. Kajian ini berbentuk eksperimental benar di mana responden dibahagikan kepada dua kumpulan dan menjalani satu modul intensif untuk kemahiran sebutan dan membaca. Kumpulan eksperimen diajar menggunakan bantuan kaedah transliterasi manakala kumpulan kawalan diajar menggunakan teks asli. Perbandingan pencapaian dapat dilihat melalui jumlah peningkatan responden dalam ujian pos berbanding pencapaian mereka pada ujian pra.

Melalui dapatan yang dihasilkan, kajian ini merumuskan bahawa penggunaan kaedah transliterasi tidak membantu para pelajar dalam menguasai kemahiran sebutan. Selain itu, terdapat beberapa masalah yang timbul dalam proses penguasaan kemahiran sebutan yang menggunakan kaedah transliterasi. Antaranya ialah kecenderungan pelajar bergantung sepenuhnya pada teks transliterasi, kekeliruan tentang simbol transliterasi serta kaedah ini tidak membantu pelajar dalam penguasaan kemahiran-kemahiran lain dalam bahasa Arab. Di akhir kajian, pengkaji

telah mencadangkan langkah-langkah seperti meminimumkan penggunaan transliterasi dalam teks, memperkukuh kaedah pengajaran sebutan serta memberi galakan dan motivasi kepada pelajar lemah bagi menangani masalah tersebut sekaligus dapat mempertingkatkan penguasaan kemahiran sebutan di kalangan pelajar.

## **ABSTRACT**

The use of transliteration in teaching and learning Arabic language is still considered new in Malaysia and was first formally introduced by UiTM. It was pioneered to facilitate and motivate students in learning Arabic. A research entitled ‘Arabic Pronunciation Skills Mastery through the Method of Transliteration: An Evaluation’ has been conducted with the aim to assess whether the use of transliteration really helps students in learning Arabic pronunciation, identify what problems that may arise in the learning process and suggest ways to resolve them.

A total of 10 respondents among the weak students in Arabic pronunciation were chosen through purposive sampling method. This is a true experimental design research in which the respondents are divided into two groups. They have undergone an intensive module for pronunciation and reading skills. Experimental group was taught with the help of transliteration while the control group was educated without transliteration. The result derived from the comparison of the total augmentation in respondents’ post test performance of the pre test.

This study concluded that the use of transliteration did not help students in mastering their pronunciation skill. Furthermore, there are some problems arise from the use of transliteration, such as the tendency of students to rely solely on transliterated text, confusion about the transliteration symbols and the method’s incapability of assisting students to master other skills in Arabic language. Several recommendations have been advocated to resolve these problems, namely by minimizing the use of transliteration in the text, improving the method in teaching pronunciation, and encouraging and motivating the weak students to improve their pronunciation skill.